

Arahan: Sila jawab secara atas talian terlebih dahulu. Selesai jawab, sila email kepada [lingohng@yahoo.com](mailto:lingohng@yahoo.com)

Anda hanya perlu catat soalan dan jawapan pada buku tulis anda apabila cikgu menghantar jawapan pada kelas yang berikutnya.

## SOALAN

Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan isi rumah di Malaysia.

Pendapatan isi rumah bulanan rakyat Malaysia meningkat sebanyak 6.6% kepada RM5228 pada tahun 2016 daripada RM4585 pada tahun 2014. Hal ini memberi kesan ke atas pendapatan dan perbelanjaan rakyat Malaysia yang positif.

- a) Terangkan secara ringkas dua jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah. [4m]
- b) Mengapakah wujud perbezaan corak perbelanjaan isi rumah antara kedua-dua tahun tersebut? Berikan pendapat anda. [6m]

## JAWAPAN

a)

Dua jenis perbelanjaan yang dilakukan oleh isi rumah ialah

|                                                                     |  |
|---------------------------------------------------------------------|--|
| Perbelanjaan terhadap barang dan perbelanjaan terhadap perkhidmatan |  |
| Perbelanjaan terhadap barang keperluan dan barang kehendak          |  |

Perbelanjaan terhadap barang terdiri daripada

|                                                                                                                                          |  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| Perbelanjaan terhadap barang keperluan untuk meneruskan kehidupan dan perbelanjaan terhadap kehendak untuk kesejahteraan hidup           |  |
| Perbelanjaan terhadap barang tahan lama seperti barang-barang elektrik dan perbelanjaan terhadap barang tidak tahan lama seperti makanan |  |

Perbelanjaan terhadap perkhidmatan ialah

|                                                                                                  |  |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| Perbelanjaan terhadap perkhidmatan seperti pendidikan, perubatan, kereta, pakaian dan sebagainya |  |
| Perbelanjaan terhadap perkhidmatan seperti perubatan, pengangkutan, bayaran bil air dan elektrik |  |

b) Pada pendapat saya, sebab wujud perbezaan corak perbelanjaan isi rumah antara kedua-dua tahun tersebut ialah seperti berikut.

Pertama, citarasa.

|                                                                                                         |  |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| Apabila pendapatan meningkat, isi rumah akan meningkatkan perbelanjaan terhadap barang yang disukainya. |  |
| Apabila pendapatan meningkat, isi rumah akan menurunkan perbelanjaan terhadap barang yang disukainya.   |  |

Kedua, pengiklanan.

|                                                                              |  |
|------------------------------------------------------------------------------|--|
| Pengiklanan yang berjaya akan mendorong isi rumah menurunkan perbelanjaan.   |  |
| Pengiklanan yang berjaya akan mendorong isi rumah meningkatkan perbelanjaan. |  |

Ketiga, pendapatan.

|                                                                                                                                                                                                            |  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| Apabila pendapatan meningkat, golongan berpendapatan tinggi akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang keperluan. Golongan berpendapatan rendah akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang kehendak. |  |
| Apabila pendapatan meningkat, golongan berpendapatan tinggi akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang kehendak. Golongan berpendapatan rendah akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang keperluan. |  |

Keempat, harga.

|                                                                                                  |  |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| Apabila harga barang meningkat, pengguna akan menurunkan perbelanjaan ke atas barang tersebut.   |  |
| Apabila harga barang meningkat, pengguna akan meningkatkan perbelanjaan ke atas barang tersebut. |  |